

19 JANUARI 2018

Pengedar pecut kereta nampak polis

Jerantut

Pengedar pecut kereta nampak polis

Dalam usaha menyelamatkan diri, seorang lelaki dipercayai pengedar dadah memecut Proton Satria dipandunya hingga menyebabkan tayar belakang kanan kenderaan itu tercabut di FELDA Kota Gelanggi 3 di sini, Selasa lalu. Bagaimanapun, tindakan

duda berusia 47 tahun itu gagal apabila ditahan polis di tepi jalan.

Dalam kejadian kira-kira jam 2 petang, suspek ditahan ketika melarikan diri dengan memecut keretanya selepas dilihat dalam keadaan mencurigakan oleh anggota polis yang melakukan tugas

rondaan.

Hasil pemeriksaan dalam kereta dipandu suspek, polis menemui satu beg galas mengandungi dua peket plastik lut sinar dipercayai syabu seberat 77.53 gram dan empat peket plastik lut sinar disyaki heroin seberat 107.01 gram.